

Sikap amanah adalah asas dalam kehidupan

UB 4.6.2014 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton mohamad@yahoo.com

SETIAP individu di dunia ini diberikan amanah semenjak dilahirkan. Keadaan ini disebabkan amanah merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu dalam konteksnya yang tersendiri. Namun begitu secara umumnya ia merupakan asas dalam kehidupan sehari-hari. Individu yang berpegang teguh kepada sikap amanah Allah akan permudahkan jalan untuknya mencapai kejayaan dalam kehidupan. Keadaan ini disebabkan sikap beramanah selari dengan sikap berdisiplin dan berintegriti dalam kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun sebagai insan dan makhluk Allah yang perlu disedari, kita sentiasa

Orang yang berdisiplin dan jujur adalah golongan yang berintegriti dan bermaruah tinggi. Mereka tidak mudah terbabas dengan sogokan rasuah, jaminan pangkat dan pujuk rayu manusia. Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al Hakim ‘sesiapa antara kamu yang mempunyai empat perkara ini maka dia akan terhindar daripada kemelaratan berhubung apa yang tidak diperoleh dari dunia ini antaranya bercakap benar, beramanah, baik tingkah laku dan menjaga makan dan minum daripada sumber-sumber yang haram. Keadaan ini jelas menunjukkan sikap amanah mampu menjaga tatakelakuan seseorang individu dalam kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun sebagai insan dan makhluk Allah yang perlu disedari, kita sentiasa

dihadapkan dengan ujian dan cabaran. Apabila iman dan takwa tidak menghiasi hati, kita mungkin gagal memikul amanah yang diwajibkan. Dunia dikurnia Allah dengan pelbagai kenikmatan dan keindahan. Dengan anugerah yang tidak terhingga itu maka ramai yang hancur dan tersesat dengan amanahnya sebagai hamba. Qarun tenggelam kerana hartanya, Firaun lemas kerana pangkatnya. Hari ini ramai orang menjadi tidak normal kerana mengejar pangkat dan glamour.

Sebahagian yang lain melupakan batas-batas halal dan haram bagi mendapatkan harta benda. Malahan juga ramai dalam kalangan manusia menggunakan kecanggihan alat telekomunikasi untuk bermegah dan selfie tentang apa yang dimiliki, dilakukan,

dinikmati dan sebagainya; Keadaan ini seolah-olah cuba menunjuk-nunjuk kepada insan yang lain tanpa memikirkan implikasi kepada orang lain dengan penuh keangkuhan. Oleh sebab sering kali menurut hawa nafsu golongan sebegini sering terlupa bahawa tingkah laku sedemikian mempunyai risiko dan mempengaruhi emosi mereka sendiri yang akhirnya mengganggu kehidupan mereka. Golongan sebegini sebenarnya menurut Jabatan Kesihatan Mental Thailand memberi peringatan kepada pengguna yang obses dengan trend popular ‘selfie’ bahawa ia boleh menyebabkan mereka hilang keyakinan selain menyebabkan ketagihan yang boleh membawa kepada impak negatif terhadap kehidupan dan pekerjaan mereka. Mereka yang kehilangan

keyakinan akan merasa gementar, teragak-agak dan tidak gembira dengan kehidupan sendiri. Hidup dalam keadaan ini untuk satu jangka masa yang lama boleh menyebabkan gangguan mental dan emosi seperti paranoia, cemburu, penumpuan kepada perkara yang remeh serta kemurungan.

Golongan yang suka berselfie umpama menayangkan diri di laman sosial merupakan golongan yang tidak beramanah dan berdisiplin kepada diri sendiri. Mereka lebih suka menceritakan tingkah laku sendiri seolah-olah setiap perlakuan perlu dijaga kepada masyarakat tanpa mempunyai perasaan malu. Sedangkan di dalam Islam setiap perlakuan perlu dijaga dan maruah diri perlu dilindungi. Dalam hal ini, sikap berdisiplin dan amanah

merupakan perkara penting yang perlu dijadikan pegangan. Sepertimana yang terkandung di dalam surah al-Israk ayat 36 Allah berfirman yang bermaksud ‘sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan dipertanggungjawabkan.’ Malahan juga menurut John Maxwell di dalam bukunya Developing The Leader Within You menyatakan dalam mentadbir sesebuah organisasi juga sikap seperti disiplin, berintegriti dan amanah akan menjamin kejayaan. Keadaan ini disebabkan sikap berdisiplin, berintegriti dan beramanah akan mengekang diri daripada menjadi selfie yang boleh meruntuhkan struktur sosial, pentadbiran dan pembangunan negara dalam jangka masa panjang.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS